



Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

**JMG211 – Geografi Manusia**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan daripada ENAM (6) soalan yang diberikan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Sertakan ilustrasi atau rajah di dalam jawapan anda bagi soalan yang berkaitan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

- 2 -

1. Huraikan peranan dan impak pendekatan kuantitatif dalam kajian Geografi Manusia.  
(25 markah)
2. Bincangkan kesan interaksi dwi-hala manusia dan alam sekitar dengan merujuk kepada fenomena tanah runtuh terhadap pembangunan petempatan di Malaysia.  
(25 markah)
3. (a). Berikan pengertian migrasi antarabangsa.  
(5 markah)  
(b). "Pertambahan penduduk dan ketidakseimbangan dalam proses pembangunan merupakan pengaruh kepada berlakunya peningkatan migrasi dalam negara-negara sedang membangun pada masa kini". Sejauh manakah benarnya pernyataan ini?  
(20 markah)
4. (a). Apakah itu kebudayaan kebendaan dalam konteks Geografi Manusia?  
(5 markah)  
(b). Bincangkan peranan dan impak kebudayaan kebendaan dalam penghasilan pelbagai corak dan pola petempatan di seluruh dunia.  
(20markah)
5. (a). Bezakan antara konsep bentuk dengan taburan dalam kajian petempatan manusia.  
(10 markah)  
(b). Nyatakan TIGA (3) jenis pola petempatan utama dalam kawasan bandar di Malaysia dan huraikan faktor-faktor yang mempengaruhi kewujudannya.  
(15 markah)
6. "Penggunaan beg plastik perlu dikurangkan untuk menyelamatkan alam sekitar, melindungi haiwan marin dan juga untuk menjimatkan wang (Penang Green Council, 2017)". Bincangkan pernyataan ini daripada perspektif Geografi Budaya dan amalan kitar semula rakyat Malaysia pada masa kini.  
(25 markah)